

02/06/2003

Badan tagih janji ditubuh selesai masalah rakyat

Md Fuzi Abd Lateh

KUALA LUMPUR: Penduduk di beberapa taman perumahan sekitar Bukit Beruntung

dan Bukit Sentosa di Rawang, Selangor menubuhkan satu `Jawatankuasa Menagih Janji' mulai Mac lalu bagi menyelesaikan segala masalah mereka dengan pihak pemaju.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang Kali, Datuk Zainal Abidin Sakom, berkata, jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Ketua Umno Gugusan Bukit Beruntung, Yaziz Yunus dan dianggotai oleh badan bukan kerajaan (NGO), ketua jawatankuasa taman, jawatankuasa surau, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan sekolah sekitarnya.

Katanya, pejabat Dun diletakkan sebagai pusat koordinasi yang bertindak mengumpul maklumat, data dan maklum balas penduduk untuk dipanjangkan ke peringkat atasan.

"Ketika ini lebih 50 masalah penduduk membabitkan pembangunan infrastruktur awam, pusat rekreasi, taman permainan, lampu dan jalan dalam taman dan prasarana berkaitan janji pemaju masih belum diselesaikan oleh mereka.

"Dalam hal ini, kesemua perkara yang dikumpulkan akan dibukukan untuk dihantar kepada pemaju iaitu Talam Corporation Berhad dan Europlus Corporation Berhad sebelum akhir Jun ini.

"Satu salinan dokumen itu akan dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Selangor, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sebagai makluman lanjut," katanya kepada Berita Harian selepas merasmikan program Gotong Royong Perdana di persimpangan Jalan Telipot dan Bakawali, Bukit Beruntung dekat sini.

Zainal Abidin berkata, tujuan jawatankuasa bertindak sebegitu rupa bukanlah bermaksud menakutkan atau mengugut pihak pemaju tetapi lebih berbentuk kerjasama dua hala sekali gus membantu mereka menjual hartanah sekitar Bukit Beruntung.

Katanya, banyak perkara perlu dilunaskan oleh pemaju sebagaimana dijanjikan dalam brosur jualan rumah dibuat kepada pelanggan mereka.

Justeru tambahnya, tanggungjawab mereka perlu ditunaikan segera agar tidak merugikan kedua pihak dan menimbulkan ketidakselesaan pengguna.

"Terlalu banyak dan kerap pihak kami menerima aduan pembeli rumah di kawasan ini sejak pejabat Dun beroperasi di Bukit Sentosa, awal Mac lalu.

"Kami mengambil jalan terbaik dengan membantu penduduk dalam perkara berkaitan. Isu seperti keretakan rumah, longkang tersumbat dan runtuh tanah di Jalan Kasturi, Bukit Sentosa turut dipanjangkan kepada pemaju.

"Pihak kerajaan juga tidak berkompromi dalam hal ini, Tindakan seperti membekukan geran atau kelulusan membina rumah di kawasan baru mungkin

dilakukan jika pemaju enggan memberikan kerjasama," katanya.

Jelasnya, lebih 50,000 penduduk di dua Bandar itu sudah lama menagih janji pemaju dan memerlukan perhatian secepat mungkin.